


# Kayu sawit kompreg jadi alternatif baharu

**KUALA LUMPUR 15 Dis.** - Pokok kelapa sawit amat berpotensi untuk dijadikan sumber alternatif dalam sektor pembalakan melalui penghasilan kayu sawit kompreg yang lebih cepat matang berbanding pokok kayu hutan lain.

Penyelidik Jabatan Pengeluaran Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Edi Suhaimi Bakar berkata, pokok kelapa sawit kebiasaannya ditebang dalam tempoh setiap 25 tahun manakala kayu hutan seperti cengal, jati dan merbau pula mengambil masa 50 hingga 100 tahun untuk matang.

“Penggunaan kayu sawit kompreg bukan sahaja berpotensi menjadi alternatif dalam sektor pembalakan malah berupaya menyelamatkan hutan negara daripada terus ditebang.

“Tambahan pula, Malaysia merupakan negara kedua yang memiliki tanaman kelapa sawit terbesar selepas Indonesia dan perkara ini boleh dimanfaatkan



**EDI SUHAIMI BAKAR** menunjukkan produk kayu daripada pokok kelapa sawit yang dihasilkan melalui teknologi terbaharu di UPM, Serdang, semalam.

untuk tujuan inovasi,” katanya dalam sidang akhbar memperkenalkan contoh kayu sawit

kompreg yang dihasilkan oleh para penyelidik UPM di sini hari ini.

Edi Suhaimi menjelaskan, kayu sawit kompreg dihasilkan melalui proses mampatan ke atas batang pokok kelapa sawit dan campuran resin yang berfungsi meningkatkan ketahanan kayu termasuk tidak mengembang jika terkena air.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MITB), Datuk Dr. Jalaluddin Harun berkata, kayu sawit kompreg mempunyai pelbagai kelebihan dan kualitinya hampir setanding dengan kayu jati.

“Kajian telah menunjukkan skala kualitinya adalah berada

di tahap yang tertinggi iaitu tahap 1 dan dengan menggunakan kayu sawit kompreg ini, kos penyelenggaraannya adalah jauh lebih murah kerana batang pokok sawit mudah diperoleh.

“Banyak kelebihan yang dimiliki oleh kayu sawit kompreg seperti mudah dibentuk mengikut acuan, tidak mudah kembang jika terkena air dan tidak mudah dirosakkan oleh serangga seperti anai-anai atau kulat,” katanya.

Tambah Jalaluddin, kelebihan kayu sawit kompreg menjadikan bahan tersebut sangat sesuai untuk digunakan dalam industri kayu perabot dan pihak industri juga disarankan melihat dan mengkaji kersasionalan penggunaan bahan inovasi baharu ini.

“Dalam tempoh empat tahun ini, sebanyak lima kilang telah dibangunkan di Kedah dan Johor malah kayu sawit kompreg telah mendapat permintaan yang besar dari China, Singapura dan Turki,” katanya.